

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.05.2015

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa kes penipuan yang telah dilaporkan sepanjang sistem pencukaian GST dan tindakan penyelesaiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menerima

banyak aduan dari orang awam mengenai isu-isu berkaitan peniaga yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan GST dan kenaikan harga barang yang tidak munasabah. Sehingga 21 Mei 2015, sebanyak 5,194 aduan berkaitan isu GST telah diterima oleh JKDM sejak GST dilaksanakan meliputi antara lain kenaikan harga barang, pengeluaran invois yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan, kesalahan klasifikasi barang dan pengesahan layanan GST ke atas pembekalan. Dalam masa yang sama, pihak KPDNKK juga telah menjalankan 307,680 pemeriksaan ke atas semua jenis premis perniagaan dan sebanyak 702 kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan yang dilakukan dibawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Untuk makluman Yang Berhormat, JKDM melalui Jabatan Peguam Negara telah mengeluarkan dua dakwaan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan mengeluarkan invois cukai yang tidak mengandungi butiran ditetapkan mengikut Seksyen 22 Peraturan-Peraturan GST 2014. Kedua-dua kes ini telah dihadapkan di Mahkamah Shah Alam masing-masing pada 30 April 2015 dan 8 Mei 2015. Selain itu, KPDNKK melalui Jabatan Peguam Negara turut mengeluarkan tiga dakwaan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan dibawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan

2011. Sehingga 14 Mei 2015, dua syarikat telah disabitkan kesalahan di bawah seksyen 14 (1,) Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan jumlah denda sebanyak RM140,000.

KPDNKK dan JKDM akan terus melaksanakan operasi mengesan kesalahan yang dilakukan oleh peniaga supaya peniaga membuat semua dokumentasi dan rekod berhubung transaksi perniagaan termasuklah resit pembelian dan penjualan dengan tepat untuk mengelakkan sebarang kesilapan dan kes penipuan terhadap pengguna.